

**C**UBA bayangkan apa nasib dua remaja perempuan yang berusia 15 dan 17 setelah menjadi mangsa rogol bergilir-gilir oleh 38 lelaki di sebuah rumah kosong di Ketereh Kelantan baru-baru ini?

Bayangkan apa yang mereka rasa ketika ini? Apa akan jadi dengan masa depan mereka? Bagaimana mereka akan berhadapan dengan masyarakat dan yang paling penting adakah ahli keluarga sedia menerima mereka seperti biasa?

Rogol merupakan perbuatan jenayah yang sangat serius kerana mangsa, biarpun selamat terpaksa menanggung kesan dan akibatnya seumur hidup.

Suspek yang didapati bersalah akan dihukum penjara dan kemudiannya dibebaskan.

Tetapi mangsa akan terus menanggung kesan daripada perbuatan terkutuk itu seumur hidup. Malah keluarga mangsa akan turut menerima kesannya.

Pada masa ini pesalah rogol dihukum berdasarkan Kanun Keseksaan di mana di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan, pesalah yang disabitkan kesalahan akan dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 tahun serta juga boleh dikenakan sebatan rotan.

Tetapi adakah hukuman ini berbaloi berbanding kesan yang terpaksa ditanggung oleh mangsa? Bayangkan kes dirogol bergilir-gilir oleh 38 lelaki ini. Apakah mangsa boleh hidup secara normal selepas itu?

Pelbagai reaksi diberikan oleh masyarakat sehingga beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pelbagai pihak mengenai hukuman yang patut dijatuhkan ke atas penjenayah seksual.

Daripada cadangan itu telah membawa kepada pembentangan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 yang dibaca di Dewan Rakyat buat pertama kalinya pada 26 September 2013, di mana dalam kategori kesalahan seksual, rang undang-undang itu memperuntukkan penjara sehingga 30 tahun berbanding 20 tahun ketika ini selain penjara minimum dinaikkan dari lima tahun kepada 10 tahun.

Antara kesalahan seksual yang boleh dipenjarakan sehingga 30 tahun adalah rogol secara berkumpulan, sumbang mahram dan rogol menggunakan apa-apa objek.

# Rogol membunuh kehidupan

UM 5/6/14 MS 11

Merupakan jenayah yang sangat serius kerana mangsa yang terselamat terpaksa menanggung kesan dan akibatnya seumur hidup



## Wanita & Undang-Undang

**ROOS NIZA MOHD. SHARIFF**

roosniza@outlook.com

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia

Kesan rogol berkumpulan atau bergilir-gilir seperti dalam kes di Kelantan itu lebih memberikan kesan kepada mangsa daripada segi fizikal, mental dan psikologi. Sebab itu, memang wajar hukuman yang lebih berat dikenakan daripada hukuman rogol perseorangan.

Namun, jika diamati, hukuman penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 tahun serta sebatan yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan itu tidak berat dan tidak mencukupi kerana gagal membendung perbuatan rogol yang masih berleluasa.

Sebab itu, saban hari ada sahaja remaja, anak gadis, wanita malah kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol. Ini terangnya terangan menunjukkan hukuman yang ada tidak berupaya menghalang perbuatan terkutuk ini.

Di negara-negara Barat, jenayah ini biasanya dihukum dengan hukuman penjara yang maksimum. Pada permulaan abad ke-20, rogol boleh dikenakan hukuman mati di kebanyakan negeri di Amerika Syarikat.

Kaedah kasi dan pengasian kimia telah

Apakah pula pendirian kita dalam kejadian rogol? Adakah undang-undang rogol yang ada sekarang mencukupi? Adakah ia cukup berat untuk membuat mereka yang berniat untuk melakukan rogol terus terbantu keinginannya itu? Adakah cukup dengan mengingatkan kaum wanita agar tidak berpakaian yang menimbulkan berahi lelaki? Cukupkah sekadar menakutkan wanita yang suka menggunakan jalan pintas yang sunyi atau keluar dengan teman lelaki tanpa muhrim?

Apakah kita patut juga menghukum ibu bapa yang gagal mendidik anak-anak mereka hingga menjadi perogol? Adakah peruntukan dalam Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah mencukupi untuk membendung permasalahan ini?

Perlu diingatkan bahawa rogol boleh menjadi serangan seksual yang amat dahsyat sehingga berakhir dengan kematian.

Merujuk kepada kes di Kelantan ini, ia juga jatuh di bawah rogol berkanun (rogol statutori) iaitu jenayah persetubuhan yang melibatkan orang yang di bawah usia kerelaan.

Maksudnya, andainya perempuan yang menjalin hubungan seks itu masih di bawah umur 16 tahun, Kanun Keseksaan tetap mentakrifkannya sebagai jenayah rogol, walaupun perempuan itu memberi kerelaan penuh dan berperanan aktif dalam hubungan seks itu.

Peruntukan dalam Kanun Keseksaan meletakkan hukuman yang sama kepada rogol rogol berkumpulan (bergilir-gilir)

bicara mahkamah untuk menilai dan menjatuhkan hukuman yang setimpal.

Budi bicara mahkamah ini dalam menjatuhkan tempoh hukuman tidak harus dikongkong oleh mana-mana pihak dan mahkamah harus dibiarkan membuat penilaian setimpal dengan mengambil kira tragisnya fakta kes, kesan kepada mangsa rogol serta lain-lain isu berbangkit.

Rogol merupakan jenayah yang sangat berat dan ada yang berakhir dengan kematian mangsa. Maka hukuman kepada perogol juga harus setimpal.

Selain itu, skop jenayah terhadap wanita juga luas dan tidak terhad kepada kes rogol sahaja.

Menurut Deklarasi Beijing di Perhimpunan Wanita Sedunia Keempat 1995 tajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, keganasan terhadap wanita diertikan sebagai sebarang tindakan yang berlaku dalam ruang awam atau persendirian yang kesannya akan memberi kemudaratan atau penderitaan berbentuk fizikal, seksual dan psikologi terhadap wanita dan ini termasuk ancaman, pemaksaan serta perlucutan hak asasi secara sewenang-wenangnya.

Oleh itu, hukuman yang dikenakan harus dapat menghalang jenayah ini. Hukuman juga harus dapat memberi pengajaran supaya dapat menghalang berulangnya perbuatan jenayah itu.

Di samping undang-undang sebagai agensi utama dalam mengawal keselamatan masyarakat, peranan ibu bapa juga penting kerana keluarga ialah suatu unit asas dalam masyarakat

Bagi kesalahan rogol secara berkumpulan yang merupakan seksyen baharu (375B), mereka yang disabit kesalahan akan dikenakan hukuman penjara minimum 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun.

Kaedah kasi dan pengasian kimia telah digunakan bagi perogol kental (*habitual offenders*) dalam sesetengah negara.

Manakala dalam sesetengah negara, rogol adalah jenayah yang boleh dihukum rejam sampai mati.

rogol, rogol berkumpulan (bergilir-gilir) dan rogol statutori. Pada kesemua jenis rogol ini perlu diberatkan lagi hukuman, iaitu perlu diwajibkan hukuman sebat.

Manakala bagi hukuman rogol berkumpulan perlu lebih berat sebab ia melibatkan ramai pesalah. Contohnya kes di Kelantan yang melibatkan 38 orang.

Mengapakah sebatan rotan hanya diwajibkan kepada pesalah sumbang mahram dan tidak kepada kesalahan rogol yang lain? Haruskah sebatan rotan itu dikecualikan bagi pesalah

yang umur terlalu tua sedangkan orang tua itu berdaya merogol?

Bolehlah diandaikan sekiranya lelaki yang berumur mampu melakukan jenayah seksual, maka dia juga mampu disebat.

Parlimen menggariskan hukuman penjara maksimum dan hukuman sebatan maksimum, dengan budi

suatu unit asas dalam masyarakat.

Ibu bapa memberi sumbangan yang lebih dalam menjamin keselamatan anak-anak. Di samping institusi kekeluargaan perlu dikukuhkan, kerjasama antara semua pihak adalah penting agar jenayah seperti ini dapat dibendung.

Hakim dalam kes Coker lawan Georgia telah mencela perbuatan rogol ini bukan saja dari sudut undang-undang, malah dari sudut kemanusiaan juga moral. Ia merupakan penghinaan ke atas golongan perempuan serta meniadakan hak mangsa untuk memilih sesiapa yang dia ingin melakukan hubungan seksual.

Walaupun jenayah ini tidak serupa dengan pembunuhan manusia, tetapi pelakunya telah 'memperkosakan' keseluruhan hidup mangsa. Walaupun mangsa masih hidup, tetapi kehidupannya selepas menjadi mangsa rogol sudah berbeza.

Malah, yang ada terpaksa menanggung trauma seumur hidup dan tidak lagi mampu menikmati kehidupan seks seperti biasa kerana mental dan psikologinya terjejas.

Perbuatan merogol ini seolah-olah telah membunuh sebuah kehidupan walaupun mangsa masih hidup.

